



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**9 JULAI 2020 (KHAMIS)**



KEMENTERAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EKRUAL PENGGUNA

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

**9 JULAI 2020 (KHAMIS)**

## KPDNHEP, Shopee lancar Kempen Beli Barangan Malaysia

**KEMENTERIAN** Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Shopee Malaysia telah melancarkan KBBM@Shopee bagi membantu mempertingkatkan keberkesanan Kempen Beli Barangan Malaysia 2020.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, kempen yang berlangsung sehingga Disember itu kembali lagi di platform tersebut untuk tahun kedua dengan tawaran lima kali ganda berbanding tahun lepas.

Katanya, ia melibatkan pelbagai segmen peruncitan seperti barang runcit; kecantikan dan kesihatan; fesyen dan pakaian; keperluan isi rumah; permainan; buku dan hobi; barangan sukan; automotif dan tawaran dari sektor perkhidmatan seperti makanan serta minuman.

“Kerjasama ini perlu untuk memacu pendigitalan perniagaan di Malaysia, khususnya kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam memastikan ekonomi domes-

tik tidak ketinggalan.

“Kedua-dua sektor ini memainkan peranan untuk menangani keadaan ekonomi yang mencabar dengan melaksanakan strategi kerajaan serta menawarkan penyelesaian praktikal yang mampu memberi manfaat kepada pniaga dan pengguna,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian KBBM@Shopee dan pelancaran Buy Malaysia Circle di ibu pejabat Shopee Malaysia di Kuala Lumpur kelmarin.

Alexander berkata, kerjasama berterusan antara KPDNHEP dan Shopee itu didorong oleh keyakinan pihaknya susulan kejayaan dicapai pada tahun lepas di mana tempahan purata harian bagi barangan buatan Malaysia di platform tersebut meningkat sebanyak 330 peratus berbanding pada tahun-tahun sebelumnya.

Pada tahun ini, beliau berkata, Shopee ditugaskan untuk mencapai kejayaan yang lebih besar dalam merencanakan semula ekonomi pasca koronavirus (Covid-19).



Alexander (tiga dari kanan) pada majlis perasmian KBBM@Shopee dan pelancaran Buy Malaysia Circle di ibu pejabat Shopee Malaysia di Kuala Lumpur kelmarin.

## Rumah jadi stor barang jenama tiruan diserbu

**PETALING JAYA** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyerbu sebuah premis kediaman yang disyaki menjadi stor penyimpanan beg berjenama tiruan.

Difahamkan, serbuan yang dilakukan menerusi Ops Tiru itu dilaksanakan berdasarkan maklumat aduan daripada pemilik cap dagangan.

Pengarah KPDNHEP Sela-

ngor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, hasil pemeriksaan yang dijalankan, pihaknya menemukan 52 unit barangan berjenama antaranya seperti beg, dompet, jam tangan, kasut dan tali pinggang disyaki tiruan.

“Semasa serbuan dilakukan, premis terlibat didapati berkunci dan kemungkinan tiada penghuni.

“Namun selepas siasatan

awal dilakukan pemilik premis berusia lingkungan 30-an hadir dan memberikan kerjasama malah dia turut ditahan untuk direkodkan keterangan,” katanya dalam satu kenyataan di sini kelmarin.

Dalam pada itu, Muhamad Zikril berkata, nilai rampasan semua barangan berkenaan dianggarkan berjumlah RM16,800.

Menurutnya, hasil maklumat awal mendapati semua barangan itu dipercayai dibawa dari China dan dipasarkan dalam negara secara dalam talian melalui laman sosial Instagram.

“Siasatan lanjut akan dijalankan di bawah Akta Cap Dagangan 2019,” katanya.

Tambah Zikril, pihaknya juga memberikan amaran kepada mana-mana peniaga agar tidak menjalankan urusan niaga melibatkan barangan tiruan bagi mengelakkan mereka dikenakan tindakan undang-undang.

“Kita jalinkan kerjasama dengan pemilik-pemilik cap dagangan supaya aktiviti penjualan barangan tiruan ini dapat dibanteras,” katanya.



KPDNHEP menjalankan siasatan di premis kediaman yang disyaki menjadi stor simpanan barangan berjenama disyaki tiruan.



## Rumah mewah stor barang 'cap ayam'

**Petaling Jaya:** Jadikan sebuah rumah mewah di Jalan Camar di sini, sebagai stor penyimpanan barang berjenama terkemuka tiruan sebelum dijual melalui laman sosial Instagram.

Kegiatan lelaki tempatan berusia 30-an itu bagaimanapun dibongkar susulan serbuan Operasi Tiru (Op Tiru) kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, lapan anggota penguat kuasa dari pejabat KPDNHEP cawangan Petaling Jaya serta wakil cap dagangan membuat serbuan di kediaman itu jam 12 tengah hari selepas menerima maklumat aduan daripada pemilik cap dagangan.

"Hasil pemeriksaan dilakukan menemui 52 barangan membabitkan beg, dompet, jam tangan, kasut dan tali pinggang jenama Louis Vuitton (LV) dan Gucci disyaki tiruan dianggarkan bernilai RM16,800.

"Pada awal serbuan dilakukan, rumah itu berkunci

dan kemungkinan tiada penghuni. Namun pemilik kediaman berusia 30-an hadir dan memberi kerjasama sepanjang pemeriksaan itu.

"Lelaki itu ditahan dan diambil keterangan bagi membantu siasatan," katanya.

Muhamad Zikril berkata, berdasarkan maklumat awal, pihaknya percaya barangan itu diseludup dari China sebelum dipasarkan di negara ini secara dalam talian melalui laman sosial, Instagram yang dikatakan mempunyai pengikut lebih 13,000 orang.

"Difahamkan barang tiruan itu dijual pada harga antara RM100 ke RM1,000 mengikut jenis barangan dan kualitinya.

"Menurut keterangan lelaki terabit, rumah itu yang juga miliknya diubah suai untuk

dijadikan sebagai tempat penyimpanan barang sebelum ia dijual secara dalam talian sejak dua tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, siasatan lanjut berhubung kes itu sedang dijalankan mengikut Akta Cap Dagangan 2019.

"Jika sabit kesalahan, individu itu boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap barang yang dipakaikan dengan cap dagangan berdaftar atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

"Kami memberi amaran kepada mana-mana peniaga supaya tidak menjalankan urusan dengan barangan tiruan kerana pihak KPDNHEP sentiasa memantau dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka.

"Pada masa sama, kami menjalinkan kerjasama dengan pemilik cap dagangan supaya aktiviti penjualan barangan tiruan dapat dibanteras," katanya.

“  
Pemilik kediaman  
berusia 30-an  
hadir dan  
memberi  
kerjasama  
Muhamad Zikril



## Ministry seizes fake jerseys worth RM1.6m

**KUALA LUMPUR:** RM1.6 million worth of fake apparel bearing 'Adidas', 'Nike' and 'Puma' brand names were seized from two premises in Batu Caves recently following a tip off from licensed dealers. Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement director Datuk Iskandar Halim Sulaiman said the 96,915 items were sold through social media. "Those licensed to sell the merchandise checked the goods and they suspected they were counterfeit, so the items were seized." Initial investigations revealed the two raided premises were storage facilities. Consumers can lodge complaints via <http://eadu-an.kpdnhep.gov.my>, its hotline 1 800 886 800, email [e-adu-an@kpdnhep.gov.my](mailto:e-adu-an@kpdnhep.gov.my) and the "Ez Adu KPDNHEP" application.